

Newspaper	Sinar Harian
Date	21 February 2016

Masih ada lagi tidak faham al-Quran

Sinar Harian - 21/2/2016

KUALA LUMPUR - Semua pihak berkaitan patut beri penekanan terhadap pemahaman isi kandungan ayat dalam al-Quran.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah tersebut lebih baik jika dibandingkan dengan membawa al-Quran tanpa memahami maksud mesej dalam kitab suci itu.

"Saya tidak akan setuju hadir (pada majlis semalam) jika program hanya menekankan pembacaan ayat al-Quran. Saya setuju hadir kerana program ini bertujuan untuk memberi pemahaman mendalam terhadap al-Quran.

"Masalah yang kita ada hari ini adalah kita tidak memahami al-Quran. Tekanan dan tumpuan hanya diberikan kepada penghafalan kitab

tersebut," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Kempen Let's Read The Quran, di sini, semalam.

Beliau dalam pada itu menyatakan sokongan kepada usaha pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam bahasa selain Arab.

Menurutnya, ia lebih memudahkan seseorang individu itu memahami dan mendalami ajaran Islam yang terdapat dalam al-Quran dengan lebih mudah.

"Saya diberitahu terdapat terjemahan al-Quran ke bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, namun makna kitab tidak berubah.

"Jika dalam bahasa Arab (al-Quran) menulis 'kita tidak boleh membunuh' kita tidak boleh katakan dalam bahasa Melayu, 'kita boleh mem-

bunuh' katanya lagi.

Mengulas kempen tersebut, Pengarah Urusan Zubedy (M) Sdn Bhd, Anas Zubedy berkata kitab al-Quran bukan hanya boleh dibaca dalam bahasa Arab, malah ia boleh dihayati dengan bahasa lebih mudah difahami.

"Kempen ini bertujuan menggalakkan orang ramai membaca al-Quran dalam bahasa yang difahami. Ia bukan terhad kepada orang Islam sahaja, malah ia juga terbuka kepada sesiapa sahaja.

"Pada tahun ini, kami ingin meluaskan lagi kempen. Kami menyenaraikan pelbagai aktiviti untuk menarik minat orang ramai untuk membaca al-Quran. Walaupun ia berpusat di negara ini, kami rancang untuk luaskan kempen ini sehingga ke peringkat

antarabangsa," katanya.

Jelasnya, bahasa digunakan dalam bacaan al-Quran hari ini termasuk bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Tamil, Arab dan Kadazan.

Kata Anas, aktiviti yang akan dijalankan ketika kempen termasuk perkongsian artikel menerusi blog, memuat naik maksud ayat al-Quran di Facebook, perkongsian indeks al-Quran bersama keluarga dan rakan-rakan, perbincangan al-Quran dan sebagainya.

Katanya, antara penyumbang kempen adalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangraf, Datuk Hussamuddin Yaacob, dan Pengarah Zubedy, Azree Mohamed Anis.